

22/10/1997

Kerenah birokrasi bantut penyelidik tempatan

BUKAN saja orang Malaysia lebih suka membeli barangan berjenama luar negara, malah cenderung memandang dan menilai rendah bangsa sendiri dan usaha mereka. Seruan pemimpin kita supaya membeli dan menggunakan barangan keluaran sendiri, terutama pada zaman merosotnya pertukaran mata wang, harus diimbangi dengan pemimpin mengagungkan kehebatan barangan sendiri.

Lebih penting pemimpin harus memperlihatkan keyakinan terhadap kebolehan orang kita, bukan memperkecilkan kebolehan mereka. Ini tidak bermakna apabila orang kita ditegur atau dikritik, pemimpin berdiam diri. Tetapi jika yang dilihat buruknya saja, tentu ia akan mematikan daya usaha yang ada.

Rencana akhbar 'Why local research is lacking in quality' (NST 28 September 97) menarik perhatian saya kerana apa yang dinyatakan itu dikaitkan dengan ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung Umno berkenaan sikap orang Malaysia terhadap pencarian ilmu pengetahuan. Banyak yang boleh dijadikan iktibar daripada isi makalah itu, tetapi pada fikiran saya ia tidak adil merangkumi semua 'local research' dan jika benarpun, banyak lagi faktor penyebab.

Mungkin teguran PM itu untuk merangsang penyelidikan di kalangan ahli akademik kita supaya meningkatkan lagi pencapaian penyelidikan, tetapi kita juga harus menyedari hambatan yang kita adakan sendiri dengan dasar terhadap universiti dan ahli akademik.

Saya tidak tahu apakah ukuran mutlak yang digunakan untuk menentukan sesuatu penyelidikan itu bermutu tinggi atau sebaliknya selain kesahihan metodologinya. Mungkin ada, seperti ukuran kegunaan atau kecanggihan hasil daripada penyelidikan itu. Adakah penyelidikan yang menghasilkan bom nuklear itu lebih bermutu daripada penyelidikan yang menghasilkan bom biasa kerana ia boleh membunuh berganda manusia atau memusnahkan berlipatganda alam sekitar?

Memang penyelidikan adalah proses peningkatan apa yang sudah diketahui. Hasil peningkatan apabila dicapai mencerminkan mutu penyelidikan, tetapi apakah jika gagal rendah mutunya? Pengukuran seperti itu mungkin timbul apabila penilai itu jahil mengenai keperihalannya penyelidikan, baik apa bidang sekalipun.

Seperti kata pensyarah sains alam sekitar Prof Azman Zainal Abidin dalam makalah itu, "...penyelidikan selalunya mengambil masa bertahun-tahun sebagai waktu pendahuluan sebelum hasil nyata boleh dijangka." (terjemahan bebas). Tambah beliau: "Mereka mahukan kita menghasilkan barangan yang boleh dipasarkan dalam satu dua tahun."

Tidak syak lagi 'mereka' merujuk kepada pihak yang mentadbir pengurusan penyelidikan di negara kita. Lazimnya mereka adalah pegawai pentadbiran dan kewangan. Pengalaman saya di universiti dulu, permohonan menjalankan penyelidikan dikemukakan kepada jawatankuasa yang dianggotai pegawai pentadbiran, baik dari universiti seperti bendahari atau pendaftar, mahupun daripada JPA atau Perbendaharaan.

Kadang-kadang terfikir juga apabila melihat gelagat sesetengah pegawai itu berdepan dengan penyelidik atau pensyarah universiti, siapakah sebenarnya yang pakar dalam bidang yang hendak diselidik? Tambah lagi pegawai yang ada Ph.D, tidak kira sama ada pengurusan atau sains, merekalah lebih tahu daripada si pemohon dalam bidang kimia atau perubatan.

Daripada apa yang boleh dikesan daripada makalah itu, ia membabitkan

seluruh budaya penyelidikan di negara kita. Menyatakan tidak ada tradisi penyelidikan tidak benar, kerana selain di universiti, kerajaan sudah mendirikan badan penyelidikan khusus bagi satu-satu kegunaan. Sama ada untuk meningkat ekonomi negara seperti pusat penyelidikan hasil bumi kita, getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan lain-lain, ataupun dari segi perkara strategik seperti perubatan dan kesihatan awam, keagamaan, mahupun politik dan diplomasi.

Walaupun pensyarah universiti tidak membabitkan diri secara langsung dengan badan-badan penyelidikan praktik itu, tetapi pengaliran timbal balik antara penyelidikan asas di universiti dengan penyelidikan terapan di badan itu terus berlaku. Sebenarnya terdapat jaringan maklumat dan hubungan simbiotik antara universiti dengan badan itu.

Sebab itu kami di universiti pada satu waktu dulu tercengang-cengang dengan kebijaksanaan pihak dalam kerajaan apabila menganggap universiti sebagai tempat pengajaran semata-mata dan cuma mengiktiraf badan seperti Porim, RRI dan sebagainya sebagai pusat penyelidikan. Peruntukan penyelidikan bagi pensyarah universiti ditiadakan, sementara semua penyelidikan diletakkan di bawah sebuah kementerian yang mentadbirkan IRPA.

Kita boleh jangka kenapa IRPA diadakan, kerana negara memerlukan penyelidikan dalam bidang yang strategik bagi pembangunan, terutama sains dan teknologi. Tetapi matlamat kegunaan dari segi pembangunan disalah tafsir oleh pegawai yang ghairah melaksanakannya hingga hampir mengorbankan budaya penyelidikan universiti kita.

Daripada kenyataan beberapa sarjana seperti Prof Khoo Kay Kim, Prof Mohd Nasir atau Zaharan Nain, budaya penyelidikan sangat penting jika kita ingin menyemarakkan penyelidikan. Adanya tradisi penyelidikan tidak cukup, kerana pada budaya saja terkandung segala ciri yang disepadukan supaya penyelidikan dihayati.

Prof Khoo menyentuh perkara yang asas, iaitu penyelidikan tidak hadir dengan didatangkan pada satu peringkat. Saya kira ia harus dipupuk sejak awal, mungkin dari peringkat sekolah rendah dengan menanam sifat suka mengambil tahu, meneliti, sayang dan dahagakan ilmu pengetahuan, kritis serta kreatif.

Tetapi sistem pendidikan kita kini berfokus kepada peperiksaan. Penuntut belajar bukan kerana mendapatkan ilmu, tetapi supaya lulus peperiksaan. Di universiti dengarnya tidak habis dengan peperiksaan dalam suasana sekarang ini. Malam hari Ahad khabarnya ada peperiksaan juga.

Soal nilai adalah sebahagian daripada budaya. Nilai penyelidikan haruslah dilihat sebagai tinggi. Tetapi ini tidak berlaku. Kata Prof Mohd Nasir, "...cara hendak mendapat kenaikan pangkat (di universiti) mesti bersifat birokrat."

'World-view' dan nilai adalah perdu bagi budaya. Penyelidikan dalam dunia akademik membawa 'world-view' dan nilai keramat: Kesahihan, ketelitian, kejujuran dan kebijaksanaan. Tetapi ini tidak lagi wujud dengan banyaknya, kerana seperti kata Prof Zaharan, ketidakjujuran banyak berlaku di kalangan akademia kita.

Saya tidak bersetuju dengan kawan lama di universiti dulu, Tan Sri Ramon Navaratnam, yang juga memberi pandangannya dalam makalah itu. Saya tidak fikir penyelidikan bidangnya, kerana beliau adalah pegawai PTD. Cadangan beliau kerajaan melatih semula pensyarah dari segi pedagogi mungkin tepat untuk kolej swasta, kerana memang ada keperluan itu. Tetapi membicarakan soal menyemarakkan penyelidikan, terutama di universiti, memang meleset. Bagi saya inilah contoh apabila orang yang bukan ahli membicarakan persoalan yang melampaui kemampuannya, walaupun pernah menjadi pegawai tinggi kerajaan.

Waktu menjadi Naib Canselor dulu saya berpeluang meninjau penyelidikan

bidang lain daripada yang saya biasa, iaitu sains sosial dan sastera. Penyelidikan bidang sains selalu memerlukan percubaan makmal dan lazimnya memerlukan peralatan canggih dan lengkap. Bukan saja alat itu tidak diperolehi, tetapi hambatan birokrasi lebih menjadi menggagalkannya.

Saya ingat waktu UM bercita-cita mendapatkan super komputer bagi melicinkan penyelidikan sainsnya tetapi sehingga saya meninggalkannya, ia tinggal satu cita-cita juga. Entahlah sekarang dengan korporatasi cita-cita itu menjadi realiti. Pada waktu saya dulu bukan wangnya menjadi persoalan, tetapi kerenah birokrasi yang menghambat penyelidikan.

Pada pengalaman saya di universiti, kita mempunyai sarjana dan saintis yang mampu menghasilkan hasil kajian bermutu setanding dengan penyelidik luar negara. Pada hemat saya jika dikatakan 'local research is lacking in quality' tidaklah adil dan ia bersifat tohmah umum.

Mungkin ada kekurangan di sana-sini, tetapi sebabnya bukanlah terletak pada sarjana dan penyelidik semata-mata. Kita harus bertanya adakah suasana kerja dan pengurusan ilmu di negara ini dapat memupuk budaya penyelidikan yang segar? Apakah sistem pengurusan penyelidikan sekarang dapat menyemarakkan kegiatan penyelidikan yang wujud pada masa ini? Saya percaya jika suasana sihat wujud dan segala keperluan diadakan, penyelidik tempatan tidak kurang daripada yang dari luar negara. Mungkin kita patut memberi perhatian kepada sistem pendidikan pada peringkat sekolah rendah lagi supaya dapat dipupuk budaya penyelidikan itu.

'World-view' terhadap penyelidikan bukan saja sesuatu yang dihasratkan, tetapi digandungi nilai tinggi, serta ganjaran menarik. Ukuran terhadap hasil penyelidikan tidak semata-mata diukur dari segi kegunaan dan keuntungan, tetapi merangkumi juga yang mendatangkan kebahagiaan kepada hidup manusia, walaupun tanpa manfaat material.

(END)